



# SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI JOHOR SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Demografi Johor 2030: Kesejahteraan Keluarga dan  
Masa Depan Inklusif”

**28 JULAI 2025**  
**DEWAN SEROJA, KOMPLEKS PENYAYANG**  
**KEMPAS, JOHOR BHARU**





**DISEDIAKAN OLEH:**  
**Unit Penerangan dan Pendidikan**  
**LPPKN Johor**

**30 September 2025**




**07 - 5599212**



**johor@lppkn.gov.my**



**Lppkn Johor**



## ISI KANDUNGAN

<b>1.0 PENDAHULUAN.....</b>	<b>4</b>
<b>2.0 UCAPAN ALUAN .....</b>	<b>5</b>
<b>3.0 UCAPAN PERASMIAN .....</b>	<b>7</b>
<b>4.0 UCAPTAMA.....</b>	<b>10</b>
<b>5.0 SIDANG SELARI DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA .....</b>	<b>14</b>
<b>SESI PLENARI 1 .....</b>	<b>14</b>
Kertas Kerja 1: Bujang Lewat Usia: Memahami Dinamika Perkahwinan Lewat di Malaysia .....	14
Kertas Kerja 2: Trend Kesuburan di Malaysia: Implikasi Kepada Pembangunan Negara	17
Kertas Kerja 3: Undang-undang, Hak Wanita dan Kesejahteraan Sosial .....	20
<b>SESI PLENARI 2 .....</b>	<b>22</b>
Kertas Kerja 1: Kepelbagaian Identiti Seksual: Pendekatan Agama dan Psikososial Dalam Membina Keluarga Sejahtera .....	22
Kertas Kerja 2: Malaysia Makin Menua dan Masa Depan Sumber Manusia .....	24
Kertas Kerja 3: Breast Cancer Screening Via Mammography in Johor Under Women Cancer Reproductive Awareness Campaign .....	25
<b>6.0 SESI PEMBENTANGAN KERTAS KERJA .....</b>	<b>28</b>
<b>7.0 FORUM KEPENDUDUKAN .....</b>	<b>31</b>
‘Aspirasi Keluarga Johor’ .....	31
<b>8.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI JOHOR DAN PIHAK BERKEPENTINGAN.....</b>	<b>33</b>
<b>9.0 LIPUTAN MEDIA .....</b>	<b>35</b>
<b>10.0 MAKLUM BALAS PESERTA .....</b>	<b>36</b>

## 1.0 PENDAHULUAN

Negeri Johor, adalah salah sebuah negeri termaju di Malaysia yang kini, berdepan dengan pelbagai isu demografi yang kompleks terutamanya berkaitan dengan kadar kesuburan wanita dan kesejahteraan keluarga. Walaupun unjuran populasi Johor dijangka mencecah kira-kira 4.21 juta orang pada tahun 2025, negeri ini tidak terkecuali daripada trend nasional iaitu penurunan kadar kesuburan wanita. Faktor-faktor sosio ekonomi seperti peningkatan tahap pendidikan, penglibatan wanita dalam tenaga kerja, kos sara hidup yang semakin meningkat, dan trend kelewatan umur perkahwinan telah menyumbang kepada fenomena ini.

Penurunan berterusan dalam Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) menimbulkan cabaran jangka panjang kepada struktur demografi Johor. Jika tidak ditangani, ia boleh menyebabkan masalah seperti kekurangan tenaga kerja muda pada masa hadapan, peningkatan populasi warga emas yang memerlukan penjagaan, dan beban sosial yang berkaitan.

Menyedari hakikat ini, LPPKN Johor telah mengambil pendekatan proaktif dengan melaksanakan Seminar Kependudukan Negeri Johor 2025 mengumpul resolusi yang boleh menghasilkan inisiatif holistik untuk menyokong keluarga, wanita, dan menggalakkan pertumbuhan populasi yang sihat.

Penganjuran seminar ini diharapkan dapat memacu kemajuan ekonomi, infrastruktur tetapi dan pembangunan sosial. Semoga setiap keluarga mendapat sokongan yang sewajarnya daripada aspek kesihatan, kewangan, dan juga sosial.

Johor berada di landasan yang tepat untuk membina sebuah masyarakat yang sejahtera, sihat, dan inklusif. Pendekatan ini adalah kunci untuk mengatasi cabaran demografi masa kini dan memastikan masa depan yang mampan dan makmur untuk seluruh rakyat Johor.

## 2.0 UCAPAN ALUAN

Ucapan aluan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor.



Dalam ucapan aluan, Yang Berhormat Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail menyatakan setinggi penghargaan buat Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas kesudian hadir dan merasmikan Seminar Kependudukan Negeri Johor 2025.

Beliau berkata tujuan seminar ini diadakan diadakan untuk memastikan kesejahteraan keluarga dapat dicapai di Negeri Johor. Seminar ini seiring dengan Hari Penduduk Sedunia 2025 yang bertema "Memperkasa golongan muda untuk membentuk

keluarga yang mereka inginkan dalam dunia yang adil dan penuh cabaran". Oleh itu, seminar ini mengangkat tema "Demografi Johor 2030: Kesejahteraan Keluarga dan Masa Depan Inklusif".

Dalam ucapannya, beliau turut menekankan betapa pentingnya kesejahteraan keluarga dengan menyatakan pembangunan bukan hanya tentang pembangunan fizikal, tetapi juga kesejahteraan keluarga. Sebuah keluarga yang sejahtera dapat melahirkan generasi yang berdaya tahan, berakhlak, dan berwawasan.

Beliau juga menyatakan kerajaan negeri Johor telah menyediakan inisiatif melalui Belanjawan Johor 2025 di bawah Teras ke 3 Jaringan Keselamatan Sosial bagi pelaksanaan 16 inisiatif di bawah portfolio Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor. Ia meliputi pelbagai aspek sokongan kepada golongan sasar khususnya wanita, seperti:

- Women Cancer Reproductive Awareness (WCaRe) dengan peruntukan RM300,000;
- Video advokasi anti-gangguan seksual dan keganasan rumah tangga dengan peruntukan RM50,000;
- Rumah Pesona Johor di bawah seliaan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Tazim (YPKDT) telah dibangunkan dan mula beroperasi pada Mei 2025. Ia adalah sebuah pusat perlindungan sementara untuk wanita yang memerlukan perlindungan dari kes keganasan rumah tangga atau isu mahkamah dan dapat menampung 30 orang pada satu-satu masa.

Di akhir ucapannya beliau berharap seminar ini dapat menyuntik kesedaran tentang tanggungjawab bersama dalam membentuk hala tuju masa depan penduduk Johor. Hasil perbincangan dan cadangan dari seminar ini diharapkan dapat menjadi input penting bagi Kerajaan Negeri untuk pembangunan yang inklusif dan lestari.

### 3.0 UCAPAN PERASMIAN



Perasmian Seminar Kependudukan Negeri Johor 2025 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dalam ucapan, beliau menyatakan penghargaan kepada LPPKN Johor dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas penganjuran seminar ini. Beliau memulakan ucapan dengan menyoroti

tema Hari Penduduk Sedunia 2025, iaitu "Memperkasa Golongan Muda Untuk Membentuk Keluarga Yang Mereka Inginkan Dalam Dunia Yang Adil Dan Penuh Harapan," yang relevan dengan keadaan di Johor. Negeri Johor sedang mengalami perubahan demografi daripada negara muda kepada populasi yang semakin menua ia disebabkan oleh jangka hayat yang lebih panjang dan kadar kelahiran yang menurun. Rekod suku tahun pertama 2025 mencatatkan hanya 93,500 kelahiran, penurunan 11 peratus berbanding tempoh sama pada tahun sebelumnya.

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia bilangan perkahwinan di Johor juga menurun sebanyak 8.0 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) oleh LPPKN mendapati, penanguhan ini berpunca daripada keutamaan terhadap kestabilan kewangan dan kerjaya, serta kesukaran mencari pasangan yang sesuai. Ini menyebabkan umur median perkahwinan meningkat kepada 31 tahun bagi lelaki dan 29 tahun bagi Perempuan pada tahun 2023.



Oleh itu, Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) Malaysia kini hanya 1.7 orang anak bagi setiap wanita, jauh di bawah paras penggantian semula populasi 2.1. Di Johor, TFR mencatatkan penurunan kepada 1.8 anak pada tahun 2023, berbanding 2.2 anak pada tahun 2014. Perubahan ini membawa implikasi besar, termasuk peningkatan keperluan penjagaan kesihatan, cabaran kepada sistem ekonomi, dan tekanan terhadap kesinambungan generasi serta struktur masyarakat.

Beliau menyatakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan LPPKN, menyedari cabaran yang dihadapi oleh golongan muda dan telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk menyokong mereka dalam membina keluarga sejahtera. Antaranya termasuk:

- Penggubalan dan pelaksanaan **Dasar Keluarga Negara** untuk memperkukuh institusi kekeluargaan;
- Penubuhan **Pusat Subfertiliti Negara** yang bakal beroperasi menjelang tahun 2029;
- Pelaksanaan **Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI)** yang disasarkan kepada 30,000 pasangan menjelang 2025;
- **Subsidi TASKA dan cuti bersalin fleksibel** untuk menyokong pasangan muda;
- Program pendidikan kekeluargaan dan kesihatan reproduktif seperti **PEKERTI, SMARTSTART dan Kafe@TEEN**.

Beliau juga menyeru agar pendekatan dasar dan program yang lebih menyeluruh dan inklusif diambil oleh kerajaan negeri, kementerian persekutuan, NGO, komuniti dan sektor swasta untuk menyediakan ekosistem yang dapat menyokong golongan muda membentuk keluarga.

Di akhir ucapan beliau berharap seminar yang menumpukan empat tema utama iaitu kesejahteraan wanita, isu perkahwinan lewat, kesuburan dan negara menua ini menjadi medan pertukaran idea yang bermakna, dan menyumbang kepada cadangan dasar di peringkat negeri yang mampan.

## 4.0 UCAPTAMA



Profesor Dr. Siti Aisyah binti Panatik Abdul Rahman, Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) meneruskan acara dengan ucap tama yang bertajuk "Memperkasa Kesejahteraan Keluarga dan Populasi dalam Era Malaysia Madani". Pembentangan ini membincangkan pelbagai aspek kesejahteraan keluarga dan populasi dalam konteks konsep Malaysia Madani.

Dalam pembentangan tersebut, Profesor Dr. Siti Aisyah berkata kesejahteraan keluarga ditakrifkan sebagai keseimbangan dalam aspek fizikal, emosi, sosial, dan spiritual di mana ia membentuk suasana harmoni dan bahagia dalam keluarga. Keluarga yang sejahtera meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang kepada kestabilan sosial negara.

Konsep Malaysia Madani pula menekankan pembangunan inklusif berlandaskan nilai-nilai murni dan kesejahteraan sosial, selaras dengan prinsip Islam yang mengutamakan kebajikan rakyat. Konsep ini menggabungkan kemakmuran ekonomi dengan kesejahteraan sosial dan keharmonian masyarakat, dengan menekankan nilai keadilan, kasih sayang, dan kemanusiaan.

Menurut beliau lagi, keluarga adalah unit asas untuk pembentukan akhlak dan peribadi anak-anak serta menjadi asas pembangunan sumber manusia yang berkualiti. Pendidikan bermula dari rumah, dan kajian menunjukkan anak-anak dari keluarga yang stabil lebih cemerlang dalam pendidikan dan sosial. Budaya ilmu juga perlu dipupuk dalam keluarga bagi membantu generasi yang lebih berdaya saing dan boleh menghadapi cabaran di masa depan.



Antara cabaran utama yang dibincangkan termasuklah:

- Cabaran ekonomi dan kewangan keluarga di mana memerlukan pengurusan kewangan yang bijak, dan pengurusan harta betul untuk mengelakkan pembaziran. Ini kerana tekanan kewangan boleh memberi kesan kepada emosi dan sosial keluarga;
- Perubahan sosial dan teknologi yang sentiasa berkembang pesat. Dengan tidak menafikan bahawa teknologi membawa peluang namun penggunaannya perlu seimbang agar tidak menjejaskan hubungan sosial;
- Isu kesihatan mental dan emosi dalam keluarga, tekanan hidup dan cabaran moden dikenalpasti meningkatkan risiko masalah mental, terutamanya dalam

kalangan wanita yang berhadapan dengan isu keseimbangan kerja-hidup (work-life balance). Tekanan ini berkaitan dengan pengurusan kerja dan keluarga yang mencabar. Komunikasi terbuka dan sokongan emosi amat penting untuk keharmonian.

- Demografi dan perancangan populasi juga antara cabaran masa kini. Ia penting untuk keseimbangan pertumbuhan populasi dan kemajuan ekonomi negara. Perancangan populasi yang bijak dapat menyokong pembangunan ekonomi yang mampan.

Di pembentangan ini juga Profesor Dr. Siti Aisyah turut mencadangkan beberapa langkah untuk memperkasa kesejahteraan keluarga. Yang pertama ekonomi keluarga perlu ditingkatkan melalui pekerjaan halal, pembangunan kemahiran, dan keusahawanan. Ia dapat membantu keluarga membina asas ekonomi yang kukuh dan berdaya saing. Statistik juga menunjukkan keluarga yang mempunyai sumber pendapatan stabil lebih sejahtera dalam menghadapi cabaran ekonomi.

Beliau juga menekankan bahawa pendidikan adalah kunci kejayaan dalam mengatasi cabaran keluarga. Pendidikan dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berakhlak yang dapat membantu masyarakat yang harmoni dan maju. Di samping itu, kerajaan dan institusi sosial juga perlu memainkan peranan dalam menyediakan bantuan kewangan, pendidikan, dan kesihatan kepada keluarga yang memerlukan. Sokongan ini penting untuk membantu mereka lebih bersedia menghadapi tekanan kehidupan.

Beliau yakin kerjasama masyarakat dan NGO penting untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong kesejahteraan keluarga, ini kerana komuniti yang aktif dapat memperkukuh hubungan sosial dan menyediakan sokongan yang diperlukan.

Pada akhir pembentangan, Profesor Dr. Siti Aishah menyimpulkan bahawa kesejahteraan keluarga adalah asas kepada keharmonian dan kemakmuran negara. Dalam kita mengejar zaman yang pantas dan penuh teknologi, kita masih perlu menjaga keseimbangan antara tradisi dan inovasi dan memastikan nilai keluarga tetap terpelihara di tengah arus perubahan.

Beliau juga menyeru semua pihak termasuk kerajaan, universiti, masyarakat, keluarga, dan individu untuk bekerjasama secara bersepadu bagi memperkasakan kesejahteraan keluarga di Negeri Johor. Usaha untuk menjadikan Johor yang makmur dan sejahtera memerlukan komitmen dan tindakan daripada semua pihak. Ini termasuk pelaburan dalam pendidikan, sokongan sosial yang kukuh, serta merangka dasar yang responsif dan berimpak tinggi.



## 5.0 SIDANG SELARI DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Seminar Kependudukan Negeri Johor 2025 diadakan dengan 2 sesi plenari yang dijalankan serentak. Tiga (3) fokus utama SKNJ 2025 iaitu isu perkahwinan lewat, kesuburan dan kesejahteraan wanita telah dibentangkan oleh para ahli yang pakar di bidang masing-masing. Sesi plenari 1 ini telah dikendalikan oleh Encik Habib Nuh Bin Che Hussin, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM sebagai Moderator.

Manakala Sesi Plenari 2, dikendalikan oleh Dr. Radhiahtul Raehan binti Mustafa, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM sebagai Moderator.

### SESI PLENARI 1

#### **Kertas Kerja 1: Bujang Lewat Usia: Memahami Dinamika Perkahwinan Lewat di Malaysia**

Oleh: Dr. Faizah binti Mohd Fakhruddin, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM

Dr. Faizah Binti Mohd Fakhruddin membentangkan tajuk “Bujang Lewat Usia: Memahami Dinamika Perkahwinan Lewat di Malaysia” yang menumpukan kepada faktor dan impak perkahwinan lewat. Sampel uji kaji untuk masyarakat berteraskan latar belakang dan jantina. Definisi merangkumi budaya masyarakat Melayu di Malaysia, lelaki berusia atas 35 tahun dan wanita berumur 30 tahun ke atas dikategorikan sebagai perkahwinan lewat.

Beberapa faktor dikenal pasti sebagai punca mengapa terjadi perkahwinan lewat di kalangan wanita dan lelaki Malaysia. Antaranya ialah:

- Faktor sosial: Maklumat pendidikan dan kerjaya meliputi majoriti usia 25-31 serta 36-41 tahun, menunjukkan angka yang tinggi dalam pendaftaran tenaga buruh.
- Perubahan norma sosial: Antara salah satu faktor adalah demografik (bandar dan luar bandar). Perubahan norma hidup dan budaya bandar dan luar bandar menyebabkan pelbagai persepsi tentang perkahwinan lambat.

- Tanggungjawab terhadap keluarga: Kesibukan terhadap urusan harian dan menguruskan sara hidup terutamanya golongan B40. Mereka menyara keluarga supaya stabil jadi mereka cenderung melambatkan perkahwinan.
- Hantaran dan kos perkahwinan: Tekanan daripada aspek perkahwinan menyebabkan Masyarakat cenderung menangguhkan perkahwinan.
- Keserasian
- Jangkaan atau harapan budaya
- Stereotaip peranan gender di mana, wanita hanya perlu berada di dapur dan lelaki bekerja keras menanggung keluarga. Ini mengutamakan kesediaan peribadi gender masing-masing bukannya mengikut had pekerjaan seperti masa dahulu.

Berhubung dengan psikologi terdapat 4 faktor: Impak daripada hubungan masa lalu, berfikir berlebihan, kesediaan mental dan mengejar kesempurnaan. Psikologi memainkan peranan penting dalam membina keluarga dan bersedia ke arah kehidupan perkahwinan.

Cabaran serta impak pula akibat perkahwinan lewat meliputi perkembangan spritual, pengumpulan aset, perubahan trend, kestabilan kewangan, peningkatan kerjaya, tekanan dan harga diri.

Antara dapatan utama ialah faktor-faktor sosiologi, psikologi dan ekonomi menyumbang kepada perkahwinan lewat tetapi kebanyakan masyarakat kita memandang serong terhadap perkahwinan lewat padahal bergantung kepada mikro dan makro perspektif, jadi kebahagiaan bergantung kepada diri sendiri bukannya orang lain. Keseluruhannya, sekiranya lebih baik berkahwin maka cari pasangan yang sesuai dan bagus agama serta ekonominya untuk kesejahteraan hidup dan masa depan yang lebih terjamin.



Fenomena bujang lewat usia bukan semata-mata hasil daripada sikap acuh tak acuh terhadap perkahwinan, tetapi lebih kepada kesan daripada perubahan struktural dan nilai dalam masyarakat moden. Ia menuntut pendekatan yang lebih empati, inklusif dan realistik bukan hanya daripada segi polisi, tetapi juga sikap masyarakat secara keseluruhan. Masyarakat perlu mula menghargai pilihan hidup yang berbeza dan menyokong setiap individu untuk menjalani kehidupan yang bermakna sama ada mereka memilih untuk berkahwin awal, lewat atau kekal bujang.

## **Kertas Kerja 2: Trend Kesuburan di Malaysia: Implikasi Kepada Pembangunan Negara**

Oleh: Puan Noor Azlin binti Muhammad Sapri, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, LPPKN

Puan Noor Azlin Binti Muhammad Sapri mengutarakan isu berkaitan “Trend Kesuburan di Malaysia: Implikasi kepada Pembangunan Negara” dengan skop pembentangan senario demografi semasa, faktor penurunan kadar kesuburan dan implikasi kepada pembangunan negara.

Trend perkahwinan yang semakin lewat dan peratusan perceraian yang semakin meningkat sekali ganda dari tahun 2010 menyumbang kepada trend penurunan kesuburan di Malaysia. Sekaligus menyebabkan bilangan kelahiran juga mengalami penurunan. Semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bilangan kelahiran dilihat terus menurun meski pun pada awalnya dijangka akan berlaku peningkatan kelahiran lebih ramai.

Kadar kesuburan total (TFR) di Malaysia telah menurun hampir tiga kali ganda sejak tahun 1958. TFR berada di bawah paras penggantian (2.1) sejak tahun 2016 dan mencecah 1.7 pada tahun 2023. Penurunan ini disumbangkan oleh pelbagai faktor seperti:



**Ekonomi:**

- Tekanan kos sara hidup, kos perkahwinan, serta kos penjagaan dan pendidikan anak-anak.
- Rata-rata ibu bapa menginginkan 4 orang anak tetapi hanya mampu memiliki 2 hingga 3 orang sahaja.
- 65% pasangan berkahwin menyatakan mereka mahu mempunyai lebih ramai anak jika isu kewangan tidak menjadi halangan.
- Penyertaan wanita dalam pasaran buruh telah mencapai 56.3%.

**Kesihatan:**

- 37% wanita di Malaysia menghadapi masalah subfertiiliti.
- 60% ujian analisis sperma lelaki di makmal LPPKN didapati tidak normal.

**Sosio-Budaya:**

- Trend berkahwin lewat, dengan purata umur perkahwinan pertama wanita meningkat dari 23.5 tahun (1980) kepada 28.1 tahun (2020).
- Kelewatan ini memendekkan tempoh kesuburan pasangan.
- 36% wanita bujang menyatakan kesukaran mencari pasangan yang sesuai sebagai alasan utama mereka menangguhkan perkahwinan.
- Keluarga komuter juga menjadi faktor, di mana 6.9% wanita yang sudah berkahwin tinggal berjauhan dari suami mereka disebabkan pekerjaan.

Dengan penurunan TFR yang pantas, ia akan mempercepatkan proses penuaan negara, malah Malaysia dijangka akan menjadi sebuah "negara tua" lebih cepat berbanding negara seperti Jepun dan Singapura. Hal ini akan memberi implikasi kepada pembangunan negara, di mana penguncupan tenaga buruh boleh berlaku. Peratusan penduduk dalam lingkungan umur bekerja (15-59 tahun) dijangka akan

menurun dari 65.8% pada tahun 2017 kepada 63.5% pada tahun 2030. Ini akan menyebabkan negara bergantung kepada tenaga kerja asing, sedangkan negara pembekal juga berpotensi menghadapi situasi penduduk yang sama.

Selain daripada itu, penurunan TFR ini juga memberi cabaran kepada sistem sosial dengan Bantuan Orang Tua (BOT) dijangka akan meningkat kepada RM1.2 bilion pada tahun 2030. Perkara ini akan menjadi beban kepada kerajaan jika tiada sistem sokongan yang efektif. Sistem kesihatan negara pula akan berdepan tekanan akibat peningkatan penyakit degeneratif dan penyakit tidak berjangkit (NCD) di kalangan warga emas.

Untuk mengatasi cabaran ini, kerajaan telah mengambil inisiatif khas jangka panjang dengan menubuhkan Pusat Subfertiiti Negara yang pertama yang dijangka memulakan operasi pada tahun 2030. Di samping itu, Puan Noor Azlin turut mencadangkan beberapa langkah diambil seperti:

- Membangunkan Dasar Kependudukan Negara yang baharu, kerana tiada dasar seumpama itu sejak Dasar 70 Juta Penduduk.
- Mewujudkan sokongan di tempat kerja bagi menggalakkan keseimbangan kerja-kehidupan.
- Menyediakan sokongan penjagaan anak dan bantuan rawatan subfertiiti.
- Menawarkan insentif kewangan seperti bantuan kelahiran, pelepasan cukai, dan bantuan tunai.

Trend kesuburan yang menurun di Malaysia merupakan isu struktur yang kompleks dan memerlukan respon menyeluruh daripada kerajaan, swasta, masyarakat dan individu. Kegagalan menanganinya boleh memberi kesan kepada jumlah penduduk, menggugat kestabilan ekonomi, struktur sosial dan masa depan pembangunan negara.

Malaysia kini berada di persimpangan penting antara menyesuaikan diri dengan masyarakat yang semakin mengecil dan menua atau membentuk semula dasar dan budaya agar keluarga kembali menjadi keutamaan dalam pembangunan negara.

### **Kertas Kerja 3: Undang-undang, Hak Wanita dan Kesejahteraan Sosial**

Oleh: Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam b. Nor Muhamad, Pengerusi Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM



Prof Madya Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad membentangkan kertas kerja bertajuk Undang-undang, Hak Wanita dan Kesejahteraan Sosial yang menerangkan hak asasi manusia, hak persamaan lelaki dan perempuan yang menjadi persoalan sejak berzaman. Pembentangan ini bertujuan untuk menganalisis peranan undang-undang dalam menjamin hak wanita di Malaysia. Ia meneliti kerangka undang-undang sivil dan syariah yang sedia ada, menilai sejauh mana pemerkasaan hak wanita memberi kesan kepada kesejahteraan sosial, dan mencadangkan langkah-langkah strategik untuk mengukuhkan hak wanita. Undang-undang dilihat sebagai alat penting untuk mengawal selia tingkah laku dan juga membela golongan terpinggir, terutamanya wanita. Hak wanita adalah elemen penting dalam membina kesejahteraan sosial kerana ia memberi kesan langsung kepada kestabilan keluarga, keadilan ekonomi, dan pembangunan komuniti.

Dalam pembentangan ini Prof Madya Dr. Nasrul Hisyam dapat mengenal pasti beberapa cabaran dalam menegakkan hak kesejahteraan sosial wanita. Antaranya:

- Kurangnya kesedaran undang-undang di kalangan wanita sendiri terutama di kawasan luar bandar yang tidak menyedari hak mereka di sisi undang-undang. Kebimbangan terhadap stigma dan tekanan sosial juga menghalang wanita melaporkan penderaan (jika ada).
- Sikap patriarki dan norma budaya yang masih tinggi dalam masyarakat, di mana amalan budaya dan adat masih memberi tekanan kepada wanita untuk mematuhi peranan tradisional. Ini menunjukkan masih wujud diskriminasi dalam institusi keluarga, tempat kerja dan masyarakat.
- Wanita masih bergelut dengan ketaksamaan di tempat kerja terutamanya masih ada majikan yang memberikan jurang gaji yang berbeza antara lelaki dan wanita. Wanita juga kurang diwakili dalam jawatan kepimpinan korporat dan politik.
- Akses untuk menuntut keadilan juga terhad kerana prosedur undang-undang yang rumit dan mahal. Kekurangan sokongan guaman yang mesra wanita, terutamanya bagi golongan B40 menyebabkan wanita yang memerlukan bantuan tidak mendapat sokongan bagi meneruskan tindakan undang-undang.

Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam menegaskan hubungan antara hak wanita yang dipelihara dengan kesejahteraan sosial adalah rapat dan bersifat timbal balik. Apabila hak wanita ditegakkan ia akan memperkukuhkan kestabilan, keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat secara keseluruhan. Wanita yang diberikan hak mendapat pendidikan, pekerjaan yang bermaruah, akses kesihatan yang menyeluruh dan keselamatan daripada keganasan mampu berfungsi secara optimum serta meningkatkan daya tahan keluarga. Secara tidak langsung struktur sosial mikro dapat diperkukuhkan kerana ia adalah asas kesejahteraan sosial. Malah, pemeliharaan hak wanita membolehkan mereka menyertai ekonomi secara aktif, meningkatkan produktiviti negara, menambah pendapatan isi rumah, mengurangkan kemiskinan dan menjamin generasi masa depan yang lebih sihat dan berilmu.

Secara keseluruhannya, Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam menyimpulkan bahawa undang-undang dan dasar yang adil merupakan asas kepada pengiktirafan dan

perlindungan hak wanita. Namun ia perlu disokong oleh pelaksanaan yang berkesan, sikap masyarakat dan struktur sokongan sosial yang inklusif. Kesejahteraan sosial bukan hanya terletak pada ketiadaan penderaan atau diskriminasi tetapi keupayaan wanita untuk hidup dengan bermaruah, kebebasan dan potensi sepenuhnya.

## SESI PLENARI 2

### **Kertas Kerja 1: Kepelbagaian Identiti Seksual: Pendekatan Agama dan Psikososial Dalam Membina Keluarga Sejahtera**

Oleh: Dr. Nur Zainatul Nadrah binti Zainol, Ketua Jabatan Penyelidikan dan Penerbitan, Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM

Pembentangan kertas kerja ini menumpukan kepada kefahaman terhadap konsep identiti seksual, menganalisis kesannya terhadap kesejahteraan keluarga dan meneroka pendekatan agama Islam dan psikososial dalam membimbing individu dan keluarga. Konsep identiti seksual merangkumi perasaan dalam individu terhadap jantina dan orientasi seksualnya. Antara jenis identiti seksual ialah heteroseksual, homoseksual, biseksual, aseksual dan panseksual.



Namun, kepelbagaian identiti seksual ini terutamanya orientasi homoseksual semakin mencabar struktur sosial dan institusi kekeluargaan di Malaysia. Peningkatan jumlah individu LGBTQ di kalangan remaja dan dewasa menjadi fenomena ini boleh dianggap ancaman kepada kestabilan ekosistem masyarakat dan nilai moral yang dipegang dalam budaya tempatan. Selain itu, peningkatan kes HIV/AIDS yang berkait rapat dengan amalan homoseksual turut menjadi cabaran besar kepada kesihatan awam dan institusi keluarga.

Beberapa faktor utama menyumbang kepada kecelaruan identiti seksual ini. Antaranya termasuk tekanan psikologi akibat trauma atau pengalaman masa lampau, pengaruh sosial melalui rakan sebaya atau gaya hidup bebas, dan kesan daripada pendedahan media massa yang mempromosikan gaya hidup LGBTQ secara terbuka. Kecelaruan ini boleh dilihat melalui ciri-ciri seperti perubahan perwatakan, perasaan terhadap jantina sama, pilihan pekerjaan yang cenderung kepada peranan bukan tradisional, dan gaya pemakaian yang tidak mencerminkan jantina asal.

Untuk menangani isu ini secara berkesan, Dr. Zainatul Nadrah mencadangkan kecelaruan identiti seksual di Malaysia perlu ditangani secara menyeluruh dan bersepadu. Semua pihak perlu berganding bahu untuk memastikan golongan LGBTQ dibantu dan kembali kepada fitrah.

Program intervensi berasaskan agama dan psikososial yang holistik dilaksanakan bagi menangani isu kepelbagaian identiti seksual, terutamanya dalam kalangan remaja. Kita juga perlu memperkasakan peranan kaunselor, guru dan ibu bapa sebagai barisan hadapan dalam memberi bimbingan awal, sokongan emosi, dan pendidikan nilai berasaskan fitrah.

Selain daripada itu, kerjasama bersepadu antara NGO, institusi agama, dan profesional kesihatan mental juga perlu digalakkan untuk merangka dasar, modul intervensi, dan program advokasi yang lebih berkesan.

Beliau juga menegaskan pendidikan keluarga dan keibubapaan juga perlu diperkukuhkan melalui kursus, bengkel dan modul berterusan yang menekankan komunikasi berkesan, pengukuhan fitrah dan nilai kasih sayang. Kita juga harus melaksanakan kempen kesedaran masyarakat untuk meningkatkan kefahaman dan mengurangkan stigma terhadap individu dengan kecelaruan identiti, selaras dengan pendekatan dakwah yang hikmah dan penuh empati.

## **Kertas Kerja 2: Malaysia Makin Menua dan Masa Depan Sumber Manusia**

Oleh: Dr. Zulkifli bin Hamisan @ Khair, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM

Malaysia sedang berada di ambang perubahan demografi yang signifikan, dengan jangkaan menjadi "negara tua" menjelang tahun 2030. Fenomena ini disebabkan oleh peningkatan jumlah penduduk berusia 60 tahun ke atas dan pastinya membawa cabaran besar kepada negara. Perubahan ini bukan sekadar statistik, tetapi juga mencerminkan realiti sosial dan ekonomi yang akan membentuk masa depan negara.

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada penuaan populasi adalah peningkatan jangka hayat penduduk yang ketara, seiring dengan kemajuan dalam bidang kesihatan dan kualiti hidup. Pada masa yang sama, Malaysia menyaksikan penurunan kadar kelahiran yang drastik. Perkara ini sering kali disebabkan oleh faktor sosioekonomi seperti kos sara hidup yang tinggi, tuntutan kerjaya, dan perubahan gaya hidup. Oleh itu, satu jurang yang ketara di mana populasi muda semakin mengecil, manakala populasi warga emas pula semakin membesar.



Dr. Zulkifli menjelaskan, perubahan demografi ini membawa impak besar kepada dasar fiskal negara. Kerajaan perlu mengalihkan tumpuan daripada penciptaan pekerjaan untuk belia kepada penyediaan perkhidmatan yang relevan untuk warga

emas. Contohnya seperti penjagaan kesihatan, aktiviti sosial, dan kemudahan yang mesra warga emas.

Selain itu, isu simpanan persaraan juga menjadi kebimbangan utama kerana ramai individu terutamanya golongan belia, tidak mempunyai tabungan yang mencukupi untuk persaraan. Ia ditambah lagi dengan isu kebangkrapan dan gaji permulaan yang rendah. Oleh itu, reformasi fiskal yang holistik adalah sangat penting untuk memastikan jaminan kewangan bagi warga emas.

Dalam menghadapi cabaran ini, pendekatan proaktif melalui Kerangka Ekonomi MADANI perlu diguna pakai. Kerangka ini memperkenalkan dua strategi utama iaitu "Menaikkan Siling" untuk meningkatkan kualiti kerjaya dan "Menaikkan Lantai" untuk memperkukuh asas pendidikan dan kesihatan. Pendekatan ini bertujuan untuk membina sumber manusia yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Dijangka pada masa hadapan, sifat pekerjaan juga dijangka berubah, dengan trend bekerja sehingga usia 60 atau 70 tahun akan menjadi lebih fleksibel dan biasa.

Secara keseluruhannya, Malaysia perlu menggerakkan kerjasama antara individu, kerajaan dan sektor swasta untuk menghadapi realiti penuaan populasi. Individu harus dididik untuk meningkatkan amalan menabung dan melabur dalam aset. Pada masa yang sama, kerajaan perlu mengawal kos sara hidup dan menyediakan skim persaraan yang lebih mantap.

### **Kertas Kerja 3: *Breast Cancer Screening Via Mammography in Johor Under Women Cancer Reproductive Awareness Campaign***

Oleh: Dr. Aisyah binti Sulaiman, Pegawai Perubatan, LPPKN Johor

Pembentangan ini mengetengahkan isu kanser payudara di Negeri Johor dan Kempen Kesedaran Kanser Reproktif Wanita dalam usaha pengesanan awal melalui mamogram. Kanser payudara merupakan kanser yang paling kerap didiagnosis dalam kalangan wanita di Malaysia, dan Johor mencatatkan negeri kedua tertinggi di negara ini dengan 6,564 kes antara tahun 2012 dan 2016. Kebanyakan kes dikesan pada peringkat lewat, iaitu pada Tahap 3 dan 4. Walaupun terdapat peningkatan kes kanser secara keseluruhan di seluruh negara, kebanyakan kes masih didiagnosis pada peringkat lanjutan.

Dr. Aisyah menjelaskan bahawa mamogram adalah kaedah yang paling berkesan untuk pengesanan awal kanser payudara, terutamanya bagi wanita berusia 40 tahun ke atas. Perkhidmatan mamogram tersedia di Johor melalui hospital kerajaan, pusat swasta, MAKNA, dan Klinik Nur Sejahtera (KNS) di bawah LPPKN. Namun begitu, kadar saringan masih kurang memuaskan disebabkan oleh halangan sosio ekonomi, kesedaran yang terhad, dan cabaran aksesibiliti, terutamanya di kawasan luar bandar.

Berdasarkan data dari Klinik Nur Sejahtera (KNS) di Johor, jumlah saringan mamogram menunjukkan peningkatan yang ketara. Walaupun jumlah saringan menurun pada tahun 2020 akibat pandemik COVID-19, ia meningkat semula dengan kukuh pada tahun-tahun berikutnya, mencapai jumlah tertinggi sebanyak 3,615 kes pada tahun 2024.



Dari segi taburan daerah, Johor Bahru secara konsisten mencatatkan jumlah saringan mamogram tertinggi (kira-kira 31% daripada jumlah keseluruhan), yang menunjukkan akses dan jangkauan kesihatan awam yang lebih baik di kawasan bandar. Sebaliknya, daerah luar bandar seperti Pontian masih belum dapat sambutan yang memberansangkan.

Inisiatif inovatif yang diperkenalkan termasuklah pengenalan mamogram mudah alih untuk meningkatkan akses di kawasan terpencil dan pemberian insentif seperti barangan asas untuk menggalakkan penyertaan komuniti. Perkongsian pintar antara kerajaan negeri, LPPKN, dan NGO juga memainkan peranan penting dalam program

saringan bersepadu. Sebagai contoh pada tahun 2024, Kerajaan Negeri Johor telah memperkenalkan program tajaan yang mengecualikan yuran pendaftaran dan caj Pemeriksaan Payudara Klinikal (CBE) bagi wanita yang menjalani mamogram di bawah LPPKN. Langkah strategik ini menyumbang kepada peningkatan sebanyak 76% dalam pengambilan saringan dari tahun 2023 hingga 2024.

Di akhir pembentangan Dr Aisyah mencadangkan beberapa langkah strategik untuk dimasukkan ke dalam resolusi seminar. Antaranya:

- Penyediaan dan perluasan perkhidmatan mamogram bergerak (mobile clinic) di kawasan luar bandar dan pedalaman.
- Pelaksanaan kempen kesedaran secara berterusan dengan pendekatan lokaliti yang lebih bersasar.
- Perluasan subsidi dan insentif kerajaan negeri bagi mengurangkan beban kewangan dan meningkatkan penyertaan.
- Memperkukuh kerjasama antara kerajaan negeri, NGO, dan komuniti.

Secara keseluruhannya, Johor menunjukkan penggunaan perkhidmatan mamogram yang menggalakkan, terutamanya di pusat bandar. Namun, akses di kawasan luar bandar masih terhad. Oleh itu, pengembangan perkhidmatan yang berterusan dan intervensi yang disasarkan di kawasan-kawasan ini adalah amat penting untuk memastikan semua wanita mempunyai akses kepada saringan mamogram yang menyelamatkan nyawa.

## 6.0 SESI PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Di seminar ini juga, ahli akademik berpeluang untuk menyertai dan berkongsi pandangan kerana seminar ini adalah salah satu platform pertukaran idea yang konstruktif. Ia membuka pandangan kita ke arah landskap Johor lima tahun dari sekarang, di mana setiap statistik demografi menceritakan kisah tentang sebuah keluarga, sebuah komuniti, dan masa depan sebuah negeri..

Sebanyak tujuh belas (17) kertas kerja telah dibentangkan, yang merangkumi isu daripada agama, perkahwinan, ekonomi dan kesihatan keluarga. Antara tajuk kertas kerja adalah seperti berikut:

- Menangani Isu Perceraian Wanita Hamil Luar Nikah Dari Perspektif Psikologi Islam  
(Pembentang: Puan Asliendah Kusai@Mohd Zaire – UTM)
- Cabaran Mahasiswi Teknohafiz UTM: Antara Kecemerlangan Akademik Dan Keseimbangan Hafazan  
(Pembentang: En. Muhammad Dhiauddin Ahmad Termizi – UTM)
- Perintah Pengkomitan Mahkamah Syariah Menurut Perundangan Islam Di Johor  
(Pembentang: En. Syaiful Fadzli Mohd Fozi - UTM)
- Faktor-Faktor Berlakunya Perkahwinan Tanpa Anak: Kajian Kes Dalam Kalangan Masyarakat Bandar Di Malaysia  
(Pembentang: Dr. Faizah Mohd Fakhrudin – UTM)
- From The Heart Of The Home To The Soul Of The Nation: Rethinking Care Economy Through Flexible Working Arrangements  
(Pembentang: Puan Nurul Asyikin Ngadiso – Persatuan Suri Rumah Rahmah Malaysia)
- Isu Kesuburan Dan 'Double Income No Kids': Pandangan Menurut Al-Quran  
(Pembentang: Dr. Fahrul Irfan Ishak - UTM)
- Pengaruh Kesihatan Mental Dan Kesejahteraan Terhadap Prestasi Kerja Pekerja Wanita Di Lembah Klang  
(Pembentang: Dr. Nora Ibrahim – University Poly-Tech Malaysia, Kuala Lumpur)

- Keberkesanan Buku Cerita Pemakanan Sihat dalam Meningkatkan Pengetahuan Pemakanan Ibu Bapa berkaitan Masalah Malpemakanan Kanak-kanak  
(Pembentang: Puan Suzaimahanim binti Othman – Pejabat Kesihatan Johor Bahru)
- Pendidikan Seks Islamik Kanak-Kanak: Analisis Hadith Bukhari Dan Muslim  
(Pembentang: En. Radin Ahmad Taufik Salikin Izaddin – UTM)
- Pemeraksanaan Ekonomi Industri Halal Sebagai Pemangkin Ekonomi Keluarga  
(Pembentang: Puan Qosrina Abdullah – UTM)
- Seminar Kependudukan Negeri Johor : Cabaran Pendidikan Dan Akhlak Anak-Anak Gelandangan  
(Pembentang: Cik Siti Nur Adha binti Mohd Shah Rizal – UTM)
- Cabaran dan Strategi Menangani Tekanan Psikologi Dalam Kalangan Pasangan Yang Mengalami Masalah Ketidaksuburan  
(Pembentang: Dr. Nadhirah Muhamad Arib – UTM)
- Strategi Persaraan Proaktif Pendidik Senior: Cadangan Rangka Kerja Konseptual  
(Pembentang: Puan Nur Ainul Husna Mohd Zuhan – UTM)
- Ibu Tunggal: Peranan Sifat Peribadi Dalam Keupayaan Bertahan  
(Pembentang: Dr. Farah Adibah Ibrahim - UTM)
- Pemindahan Kekayaan Antara Generasi: Motif dan Kesan Cukai  
(Pembentang: Dr. Mohd Khairy Kamaruddin – UTM)
- Pendekatan Dakwah Kepada Gelandangan: Satu Tinjauan Konseptual Dalam Membina Kesejahteraan Insan  
(Pembentang: Dr. Nur Najwa Hanani Abd. Rahman – UTM)
- Peranan Ibu Sebagai Agen Dakwah Dalam Membentuk Generasi Muslim Yang Berakhlak Mulia Berdasarkan Prinsip Islam  
(Pembentang: Puan Siti Hajar Ahmad – UTM)

Sebagai penutup sesi pembentangan kertas kerja ini, peserta juga diberi penghargaan dengan Anugerah Kertas Kerja Terbaik dan Anugerah Pembentang Kertas Kerja Terbaik, di mana ia telah dimenangi oleh peserta seperti berikut:

Anugerah Kertas Kerja Terbaik

- 1) Keberkesanan Buku Cerita Pemakanan Sihat Dalam Meningkatkan Pengetahuan Pemakanan Ibu Bapa Berkaitan Masalah Malpemakanan Kanak-kanak  
(Penulis - Puan Suzaihanim Othman, Puan Suhada Al-Ilmi Aliyaa Abd. Jalil, Puan Umul Ngulya Anuar, En. Syahril Fikri Safaruddin, Puan Dewi Juliana Mohd Namsah, Puan Nadiyah Asmadi, Puan Suria Abdullah Sangguro)
- 2) Pengaruh Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Terhadap Prestasi Kerja Pekerja Wanita di Lembah Klang  
(Penulis - Dr. Nora Ibrahim, Puan Nadiatul Akma Roslee dan Encik Zaid Mat Yusop)
- 3) Cabaran Dan Strategi Menangani Tekanan Psikologi Dalam Kalangan Pasangan Yang Mengalami Masalah Ketidaksuburan  
(Penulis - Dr. Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Dr. Nadhirah Muhammad Arib)

Manakala Anugerah Pembentang Kertas Kerja Terbaik diberikan kepada:

- 1) En. Saiful bin Mohd Fozi
- 2) Puan Suzaimahanim binti Othman
- 3) Dr. Mohd Hairy bin Kamaruddin

## 7.0 FORUM KEPENDUDUKAN

### 'Aspirasi Keluarga Johor'

Seminar Kependudukan diteruskan dengan Forum Kependudukan yang bertajuk 'Aspirasi Keluarga Johor' yang dikendalikan oleh Dr. Muhammad Talhah bin Jima'ain, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Sosial Kemanusiaan, UTM selaku Moderator.



Antara ahli panel yang diundang untuk berdiskusi tentang Aspirasi Keluarga Johor ini ialah Dr. Salmi Jalina binti Jalil, Pengarah LPPKN Negeri Johor, Dr. Nor Najwa Hanani binti Abdul Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Sosial Kemanusiaan, UTM dan juga Encik Muhammad Ridhwan bin Samsudin, Ketua Unit Komunikasi Korporat, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

Forum ini berjaya menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat daripada bandar hingga ke luar bandar, merangkumi pelbagai umur dan latar belakang dan peserta menunjukkan komitmen tinggi mereka terhadap masa depan kesejahteraan keluarga.



Pelbagai isu telah dibincangkan termasuklah kesejahteraan ekonomi keluarga, membina keseimbangan antara keluarga dan kerja (*Work-Life Balance*) serta kemudahan kesihatan diri dan mental yang lebih baik untuk keluarga. Aspirasi yang dikumpulkan dalam forum ini mencerminkan hasrat kolektif untuk membina sebuah Johor yang sejahtera, lestari, berdaya saing dengan keluarga sebagai tunjang kekuata

## 8.0 CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI JOHOR DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Secara keseluruhannya, seminar ini berlangsung dengan pembentangan kertas kerja yang menarik. Isu-isu semasa yang berkaitan dikupas satu per satu dan pastinya ia idea-idea bernas untuk kelestarian negeri Johor.

Seminar Kependudukan Negeri Johor 2025 bertemakan Demografi Johor 2030: Kesejahteraan Keluarga dan Masa Depan Inklusif ini menghimpunkan dapatan utama pelbagai pihak yang terdiri daripada pakar bidang, agensi kerajaan dan ahli akademik. Seminar ini menggariskan 11 resolusi teras sebagai panduan dasar dan tindakan susulan di peringkat negeri dan persekutuan, selaras dengan aspirasi Dasar Keluarga Negara dan pembangunan sosio-demografi negara iaitu:

- i) Mengarus perdanakan kesejahteraan keluarga Johor dengan menjadikan institusi keluarga sebagai asas utama dalam semua dasar negeri melalui pendekatan menyeluruh dan rentas sektor.
- ii) Membina “keluarga berdaya tahan” Johor melalui perlindungan kewangan, penaiktarafan kemahiran dan pendidikan sepanjang hayat, penjagaan kesihatan mental dan komuniti aktif.
- iii) Memastikan semua lapisan rakyat, khususnya wanita, kanak-kanak dan golongan rentan, mendapat perlindungan undang-undang yang adil dan akses yang saksama kepada keadilan merupakan asas kepada pembinaan keluarga sejahtera dan masyarakat inklusif.
- iv) Mengaplikasikan pendekatan berteraskan agama dan nilai-nilai kemanusiaan yang universal.
- v) Menyeru agar kerajaan negeri memperkukuh sistem pengumpulan, analisis dan penyebaran data kependudukan secara berkala untuk menyokong pembuatan dasar berasaskan bukti (evidence based policy)

- vi) Menggubal dasar sokongan perkahwinan awal dan kesuburan melalui intervensi awal seperti pelepasan cukai, akses rawatan mampu milik, pendidikan reproduktif, kaunseling praperkahwinan dan kempen kesedaran belia bagi menangani perkahwinan lewat dan penurunan kadar kesuburan secara menyeluruh.
- vii) Menerapkan pendekatan bersepadu bagi memahami dan menangani punca perkahwinan lewat dan bujang kekal, termasuk faktor ekonomi, psikososial dan perubahan norma sosial. Usaha ini merangkumi program padanan jodoh, pendidikan praperkahwinan, kempen keseimbangan kerjaya-keluarga serta penglibatan institusi agama dan komuniti dalam menyemai nilai kekeluargaan dan kesiapsiagaan berumah tangga.
- viii) Memperluas pendidikan kesihatan reproduktif dan memperluaskan khidmat pengesanan awal kanser melalui saringan bergerak, khususnya di kawasan luar bandar, serta kerjasama strategik antara kerajaan, LPPKN dan NGO bagi meningkatkan akses, penyertaan dan intervensi awal secara berkesan.
- ix) Menggalakkan integrasi budaya dan kohesi sosial melalui program komuniti, pendidikan nilai dan penghayatan warisan Johor yang kaya dan berakar dalam nilai murni.
- x) Memperkasa warga emas melalui pendekatan penuaan aktif yang berteraskan kesejahteraan spiritual, fizikal, mental, emosi sosial dan ekonomi agar mereka terus menyumbang secara bermakna kepada pembangunan masyarakat dan negara.
- xi) Melaksanakan program intervensi bersepadu berteraskan nilai agama dan pendekatan psikososial bagi menangani isu kecelaruan identiti seksual, dengan menola normalisasi LGBT secara tegas berhikmah.

## 9.0 LIPUTAN MEDIA



SEMILAR Kependudukan Negeri Johor 2025 yang berlangsung di Dewan Seroja, Kompleks Penyayang Kempas baru-baru ini dianjurkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Johor dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM). - Foto UTM

Home / RENCANA / GAYA HIDUP / Seminar Kependudukan Johor 2025: Wacana masa depan keluarga, demografi negeri selatan

GAYA HIDUP

RENCANA

# Seminar Kependudukan Johor 2025: Wacana masa depan keluarga, demografi negeri selatan



Khadijah Mohamad Nor · August 4, 2025




357 2 minutes read

DALAM landskap demografi yang semakin mencabar, isu kependudukan dan masa depan institusi keluarga menjadi tumpuan utama negeri Johor.

[https://malaysiatribune.news/rencana/seminar-kependudukan-johor-2025-wacana-masa-depan-keluarga-demografi-negeri-selatan/?fbclid=IwY2xjawOtvRxleHRuA2FlbQlxMQBzcnRjBmFwcF9pZBAyMjIwMzkxNzg4MjAwODkyAAEeX3\\_yGECgfLUyrUTI8peoMolpaJQiRiWIUivXEgV\\_5Tektpm38Z\\_OMkYqV2U\\_aem\\_5BY-gauBqhB2lgTgYjgE\\_g#google\\_vignette](https://malaysiatribune.news/rencana/seminar-kependudukan-johor-2025-wacana-masa-depan-keluarga-demografi-negeri-selatan/?fbclid=IwY2xjawOtvRxleHRuA2FlbQlxMQBzcnRjBmFwcF9pZBAyMjIwMzkxNzg4MjAwODkyAAEeX3_yGECgfLUyrUTI8peoMolpaJQiRiWIUivXEgV_5Tektpm38Z_OMkYqV2U_aem_5BY-gauBqhB2lgTgYjgE_g#google_vignette)

# 10.0 MAKLUM BALAS PESERTA

## MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI JOHOR



## MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI JOHOR

